



SIARAN SEGERA

e-Pameran MyAssist MSME dilanjutkan sehingga 4 Ogos 2021

Kuala Lumpur, 5 Julai 2021 – Minggu PKS Kebangsaan 2021 telah melabuhkan tirainya pada 4 Julai 2021 setelah sembilan hari ianya dijalankan dengan pelbagai program dan aktiviti menarik berkaitan perniagaan dan keusahawanan secara dalam talian.

Sebanyak 506 pempamer daripada seluruh negara telah menyertai e-Pameran di dalam Portal MyAssist MSME yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Jun lalu. Penyertaan pameran kali ini, yang merupakan pertama kalinya diadakan secara dalam talian, terdiri daripada PKS di seluruh negara termasuk usahawan selebriti, Kementerian dan Agensi serta Institusi Kewangan yang menawarkan pembiayaan kepada PKS. . Sejak pelancaran sehingga 4 Julai 2021, seramai 29,022 pengunjung maya e-Pameran telah direkodkan.

Mengambil kira sambutan pengunjung yang menggalakkan sejak ianya dilancarkan, SME Corp. Malaysia amat berbesar hati untuk melanjutkan tempoh penganjuran e-Pameran ini sehingga 4 Ogos 2021.

Perlanjutan ini adalah bagi memberi ruang dan peluang kepada PKS di seluruh negara untuk terus mempromosikan dan memasarkan produk

mereka secara dalam talian melalui e-Pameran di dalam portal MyAssist MSME. Ini amat bertepatan dengan keadaan ekonomi semasa yang amat sukar berikutan pandemik COVID-19 yang masih berleluasa serta sambungan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Untuk maklumat lanjut berkaitan Portal MyAssist MSME, sila layari www.myassist-msme.gov.my.

- TAMAT -

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)**

**SME Corp. Malaysia
Level 6, SME 1, Block B
Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Fax : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Website : www.smecorp.gov.my**

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia